

Headline **UPM tawar kursus untuk warga emas**
Date **03. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **23**
Section **Pendidikan** Article Size **171** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



UPM tawar kursus untuk warga emas

I NSTITUT Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat mandat Tabung Kependudukan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPF) bagi melaksanakan program pengajian berstruktur untuk warga emas di negara ini yang dikenali Universiti Era Ketiga (U3A) Malaysia.

Ketua Koordinator merangkap penyelidik Institut Gerontologi UPM, Prof Madya Dr Sharifah Norazizan Syed Abd Rashid, berkata program itu akan diperkenalkan mulai 8 April ini bagi mempromosi penuaan aktif dan produktif menerusi latihan, pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Beliau menjelaskan, program pengajian berkonsepkan pembelajaran untuk kesenggangan itu ditawarkan kepada warga emas berusia 50 tahun ke atas dan peserta akan dianugerahkan sijil apabila tamat pengajian.

"U3A Malaysia dibentuk berdasarkan pergerakan antarabangsa U3A hasil gabungan model Perancis dan United Kingdom dengan matlamat utamanya menyelaras kegiatan pembelajaran golongan itu.

"Perkataan universiti dalam U3A merujuk kepada makna asal istilah itu iaitu sekumpulan individu yang mengabdikan diri untuk pembelajaran dan segala kegiatan berkaitan dengannya.

"Program ini dilaksanakan menggunakan dana UNPF dan kerajaan setelah kejayaan projek rintisnya tahun lalu iaitu LifeLong Learning For The Elderly yang membabitkan 84

warga emas berusia antara 41 dan 74 tahun," katanya.

Sharifah Norazizan berkata, menerusi kursus itu, warga emas berpeluang mengikuti kira-kira 300 jam kursus yang dijalankan dalam dua semester.

Katanya, peserta boleh membuat pilihan untuk mengikuti 24 kursus teras atau elektif yang ditawarkan sebagai tambahan kepada kursus wajib Perkembangan Dewasa dan Keumuran.

Antara kursus teras program itu ialah Bahasa dan Komunikasi, Kesihatan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kursus elektif pula senaman, seni taman, memasak, nyanyian berkumpulan, asas lukisan, pasu dan seramik, seni batik, kraftangan, tarian, asas apresiasi muzik, masyarakat madani serta kebudayaan sejagat.

Sharifah Norazizan berkata, Hari Orientasi U3A akan diadakan pada 5 April ini di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, bagi memberi peluang warga emas mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut.

*Program pengajian
itu untuk warga
emas berusia 50
tahun ke atas"*

**Dr Sharifah Norazizan
Syed Abd Rashid**
*Ketua Koordinator merangkap
penyelidik Institut Gerontologi UPM*